



SEMESTER 1 - 2017/2018

WUS101 - TERAS KEUSAHAWANAN

Profil Usahawan

CHIANG KEE CHUAN

(*Pengusaha kafe The Leaf, Healthy House*)

Disediakan oleh :

Ibnu Sany Bin SamsulBahri

No Matrik : 136361

Disediakan untuk :

En. Mohd Shafie Ariffin

Pensyarah WUS 101

Tarikh Penghantaran :

1 November 2017

SURAT PENGHANTARAN

1 Nov 2017

Ibnu Sany Bin Samsul Bahri,
Desasiswa Tekun,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM,
Pulau Pinang.

En. Mohd Shafie Ariffin,
Pensyarah WUS101,
Universiti Sains Malaysia,
11800 USM Pulau Pinang.

Penghantaran WUS101 Tugasan Profil Usahawan

Saya menghantar projek seperti yang tertera di atas untuk semakan pihak tuan. Sekiranya terdapat apa-apa kemosykilan, sila hubungi saya di talian 01136860332.

Sekian Terima kasih.

Yang Benar

(IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI)

ISI KANDUNGAN

Bil	Isi Kandungan	Muka Surat
1.0	Surat Penghantaran	2
2.0	Isi Kandungan	3
3.0	Kandungan/Isi	4 - 5
4.0	Sumber rujukan	6
5.0	Lampiran	
	● Gambar	6
	● Borang soal selidik	7 - 11
	● Borang jawapan soal selidik	12

PROFIL KEUSAHAWANAN

LATAR BELAKANG USAHAWAN

Encik Chiang Kee Chuan merupakan seorang usahawan yang menjalankan perniagaan berasaskan makanan. Beliau merupakan usahawan yang sudah mendirikan rumah tangga dan telah dikurniakan dua orang cahaya mata. Beliau telah menubuhkan sebuah kafe yang bernama The Leaf, Healthy House yang terletak di Georgetown, Pulau Pinang. Usahawan yang berumur 35 tahun ini juga berasal dari Pulau Pinang. Beliau merupakan lulusan diploma dari Inti College Kuala Lumpur dan kini menceburkan diri dalam bidang perniagaan sebagai sumber mata pencarian untuk menyara hidup keluarganya. Beliau telah menjalankan perniagaannya ini sudah mencecah 5 tahun dengan bantuan ahli keluarganya. Idea Encik Chiang untuk menjalankan perniagaan makanan ‘western’ dan makanan tradisional kaum cina tetapi diinovasikan dengan idea baru tercetus apabila melihat budaya masyarakat tempatan yang semakin gemar akan makanan seperti ini. Oleh yang demikian, beliau banyak membuat penyelidikan tentang menu makanan yang sesuai sebelum beliau menubuhkan kafe beliau.



Beliau akan sentiasa memastikan makanan yang dijual di kafanya sentiasa menjadi pilihan orang ramai. Jenis perniagaan yang dimiliki oleh beliau ialah sendirian berhad. Setakat ini, Encik Chiang Kee Chuan mempunyai 11 orang pekerja. Tujuh darinya terdiri daripada ahli keluarga beliau sendiri manakala empat orang pekerja diambil oleh beliau dalam kalangan masyarakat tempatan. Pada usia yang muda beliau berupaya meluaskan perniagaannya kepada dua cawangan yang bertapak di Georgetown dan Lengkuk Mayang Pasir.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENARIK USAHAWAN UNTUK MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN

Hasil temu ramah mendapati bahawa, terdapat beberapa faktor yang menarik usahawan muda ini untuk menceburji bidang perniagaan. Antara faktor utama yang mendorong beliau ialah minat yang mendalam dalam bidang perniagaan. Menurut pandangan beliau, minatnya terhadap aktiviti perniagaan inilah yang memberi dorongan penuh untuknya membuka sebuah kafe. Beliau juga meminati makanan barat dengan makanan tradisional kaum cina. Oleh hal yang demikian, beliau ingin berkongsi minat dan cita rasa ini kepada masyarakat dengan menubuhkan sebuah kafe. Encik Chiang menyatakan bahawa beliau menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kerana mempunyai masa yang bebas. Apabila menjadi seorang usahawan, beliau tidak terikat dengan mana-mana majikan. Beliau bebas melakukan apa saja yang berkaitan dengan perniagaannya tanpa mendapat arahan dari sesiapa pun. Gaji yang diperolehi juga bergantung kepada keuntungan bersih yang diterimanya apabila bermiaga. Dorong padu dari keluarga juga telah jadikan beliau terus semangat untuk mencari rezeki melalui aktiviti perniagaannya ini.

CABARAN-CABARAN YANG USAHAWAN HADAPI SEMASA BARU MEMULAKAN PERNIAGAAN

Perjalanan sebagai seorang usahawan semestinya tidak lari daripada menghadapi pelbagai cabaran. Bagi Encik Chiang Kee Chuan, cabaran-cabaran yang dihadapinya telah memberi semangat untuknya lebih bersemangat dalam menjayakan perniagaannya ini. Cabaran yang dihadapi oleh beliau semasa baru memulakan perniagaan ialah kekurangan modal. Pada awalnya, beliau telah menghadapi masalah kekurangan modal untuk membuka sebuah kafe. Hal ini demikian kerana, modal merupakan elemen yang paling penting untuk seseorang usahawan memulakan suatu perniagaan. Beliau memerlukan modal yang cukup untuk membeli peralatan-peralatan seperti alatan memasak, kerusi dan meja untuk pelanggan. Di samping itu, cabaran untuk menghadapi perniagaan

ialah teknologi yang terhad. Beliau memerlukan modal yang tinggi untuk membeli peralatan canggih untuk kegunaan kafanya. Lebih-lebih lagi beliau perlu membeli barang tersebut dari negara China kerana barang yang diinginkan tidak terdapat di negara ini. Selain itu, beliau juga menghadapi cabaran untuk menghasilkan menu masakan untuk para pelanggan. Beliau berhadapan dengan masalah untuk menghasilkan menu yang berbeza dengan premies lain kerana beliau perlu menghasilkan suatu yang baharu untuk memastikan menu terdapat mendapat tempat di hati pelanggan.

CABARAN-CABARAN YANG USAHAWAN HADAPI SEKARANG

Cabaran masa kini yang dihadapi oleh Encik Chiang Kee Chuan ialah cabaran untuk menarik pelanggan. Sebagai seorang peniaga, mereka memerlukan pelanggan yang ramai untuk mengaut keuntungan. Hal ini demikian kerana, mereka perlu memastikan bahawa modal yang dikeluarkan mendapat pulangan yang mampu menjana pendapatan dan keuntungan. Selain itu, cabaran yang dihadapi oleh beliau ialah saingan antara kafe-kafe dan restoran. Menurut beliau, saingan yang dihadapi cukup sengit kerana di kawasan Georgetown ini terdapat ramai premis perniagaan yang sama seperti beliau. Hal ini menyukarkan beliau untuk memastikan perniagaannya stabil dalam jangka masa panjang dan sentiasa mendapat perhatian orang ramai. Cabaran terhadap kafe-kafe dan restoran lain mempunyai kaitan yang rapat dengan cabaran menarik pelanggan kerana kehendak pelanggan yang berbeza mengikut kemampuan masing-masing. Menurut beliau lagi, terdapat beberapa premis perniagaan lain yang menawarkan harga yang lebih murah berbanding premis beliau. Di samping itu, beliau juga menghadapi masalah kekurang tenaga pekerja sehingga beliau terpaksa mengambil ahli keluarganya sendiri untuk menjadi pekerja dalam perniagaannya.

KEMAHIRAN-KEMAHIRAN YANG PERLU DIPUNYAI OLEH SEORANG USAHAWAN BAHARU UNTUK MENCEBURI PERNIAGAAN

Kemahiran yang perlu ada dalam diri seorang usahawan baharu untuk menceburি perniagaan seperti kemahiran inovasi. Usahawan seharusnya bertindak secara proaktif iaitu memikirkan sesuatu yang baharu yang dapat memuaskan hati pelanggan. Sebagai contoh menghasilkan lebih banyak menu makanan dan minuman yang berbeza dengan premis lain. Selain itu, sebagai seorang usahawan, kita perlulah bijak dalam merancang kewangan. Usahawan perlu bijak dalam mengatur wang yang keluar dan masuk untuk memastikan usahawan dapat meraih keuntungan dan mengelakkan daripada mengalami kerugian. Kemahiran lain yang perlu ialah kemahiran berkomunikasi. Sebagai seorang usahawan, mereka perlu menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik. Hal ini demikian kerana, mereka perlu berkomunikasi untuk mempromosikan barang mereka kepada pelanggan samaada secara lisan atau pun melalui media elektronik. Di samping itu, kemahiran lain ialah kemahiran teknik memasarkan produk. Dalam memperkenalkan produk, usahawan perlu bijak dalam menarik perhatian pelanggan dengan menawarkan promosi, kombo set dan lain-lain. Secara tidak langsung kaedah ini dapat meluaskan lagi produk yang hendak dijual.

NASIHAT KEPADA SEORANG USAHAWAN BAHARU YANG INGIN MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN

Sebagai pengakhiran temu ramah kami, nasihat dari Encik Chiang Kee Chuan kepada usahawan yang ingin menceburি bidang perniagaan ialah berani mengambil risiko. Menurut beliau, jika ingin menjadi seorang usahawan, kita seharusnya berani untuk mengambil risiko yang mungkin. Hal ini demikian kerana untung dan rugi suatu perniagaan tidak dapat dijangka suatu hari kelak. Selain itu, beliau juga memberi nasihat supaya tidak mudah berputus asa apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran. Usahawan seharusnya berfikiran rasional apabila membuat suatu keputusan agar mendatangkan kebaikan kepada perniagaannya. Encik Chiang Kee Chuan juga menasihati usahawan muda agar sentiasa memberi komitmen yang sepenuhnya agar perniagaan tiadak terhenti disetengah jalan. Usahawan muda juga haruslah bersiap dari segi mental untuk menghadapi apa-apa jua masalah yang bakal ditempuhi.

SUMBER RUJUKAN

1. Encik Chiang Kee Chuan, Kafe The Leaf Healthy House, Georgetown, Pulau Pinang
2. En Mohd Shafie Ariffin, Pensyarah WUS101, Universiti Sains Malaysia, Gelugor, Pulau Pinang
3. Elearning Portal USM, <https://elearning.usm.my/sidang1718/course/view.php?id=253>

LAMPIRAN



Kad nama usahawan, The Leaf



Latar belakang kafe The Leaf

BJSS

BORANG JAWAPAN SOAL SELIDIK (SEPTEMBER 2017)

WUS101-TERAS KEUSAHAWANAN

Nama Pelajar: IBNU SANY BIN SAMSULBAHRI	No Matrik: 136361	Kumpulan: 144
Nama Usahawan: ENCIK CHIANG KEE CHUAN		Jenis/Bidang/Aktiviti Perniagaan: PERNIAGAAN MAKANAN

Arahan: Sila isikan dengan maklumat daripada borang soal selidik. Lihat contoh. Terima kasih
No. Soalan/Jawapan

1		Di: Georgetown, Pulau Pinang	30	3	64	3	91.6	
2	3		31	4	65	3	91.7	
3	35		32	4	66	3	91.8	
4	1		33	3	67	3	92	4
5	2	Nyatakan:	34	4	68	2	93	4
6	1	Nyatakan:	35	4	69	3	94	4
7	2		36	4	70	2	95	4
8.1	2		37	4	71	4	96	4
8.2	2		38	5	72	3	97	4
8.3	5		39	2	73	4	98	4
9	3		40	3	74	4	99	4
10	2		41	3	75	5		
11	11		42	4	76	3	100	
					77	4	101	/
12.1			43	3	78	4	102	/
12.2	7		44	4	79	4	103	Nyatakan:
13	3		45	4	80	4		
14	3		46	3	81	4		
15	5	Sektor swasta	47	4	82	4		
16	4		48	3	83	4		
17			49	3	84	4		
17.1			50	4	85	4		
17.2			51	4	86	3		
17.3			52	4	87	4		
17.4	/	China	53	4	88	4		
18	3		54	5	89	5		
19	2		55	3				
20	4		56	2	90.1			
21	4		57	3	90.2			
22	4				90.3	/		
23	4		58	4	90.4			
24	4		59	4				
25	3		60	4	91.1	/		
26	4		61	2	91.2			
27	3		62	3	91.3			
28	3		63	4	91.4			
29	3		63		91.5			